



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

FTROADPEDIA UTARA 2.0 PULAU PINANG

PULAU PINANG – Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, hari ini meninjau dua lokasi projek menaiktaraf Jalan Persekutuan di Pulau Pinang, iaitu pada hari kedua FT Roadpedia Utara 2.0.

Tinjauan pertama melibatkan projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT001 dari Permatang Pak Elong (SEK.773) hingga ke Jambatan Merdeka (SEK.782), yang melibatkan kerja menaiktaraf laluan sepanjang 9 km menjadi 4 lorong 2 hala (*Dual Carriageway*) mengikut standard JKR R5. Projek ini dijangka siap pada 5 Mei 2022 dengan anggaran kos RM328 juta.

Manfaat projek ini adalah untuk melancarkan aliran trafik, selaras dengan pembangunan yang pesat di Daerah Seberang Perai Utara (SPU). Selain itu, projek ini juga melibatkan kerja menaiktaraf sistem perparitan bagi mengatasi masalah banjir kilat.

Tinjauan kedua melibatkan Projek Mengganti Jambatan Sedia Ada di FT006/41/93 (Jambatan Titi Kerawang), Barat Daya, Pulau Pinang. Projek ini telah siap pada 31 Mei 2021 dan melibatkan laluan sepanjang 160 meter. Antara skop kerja, membina struktur jambatan sepanjang 55 meter dengan reka bentuk geometri JKR R5, turapan baharu mengikut Standard Reka Bentuk Geometri JKR R3 dan menyediakan penghadang perabot jalan meliputi 60% daripada panjang jajaran jalan.

Laluan ini adalah Jalan Persekutuan (FT006) yang menghubungkan Balik Pulau dan Teluk Bahang. Kos keseluruhan bagi projek adalah RM 8.1 juta. Projek ini bertujuan memperbaiki rangkaian infrastruktur jalan raya sedia ada kerana jambatan lama Titi Kerawang agak sempit dan tidak dapat menampung dua kenderaan sekaligus dari arah yang berbeza. Aspek keselamatan dan keselesaan juga telah dipertingkatkan. Kenderaan berat boleh menyeberang jambatan baru ini tanpa ada halangan dari sudut ruang dan juga selekoh yang tajam.

Selain itu, jaringan laluan pelancongan juga dapat diperkasakan kerana laluan ini adalah akses utama menghubungkan Balik Pulau dan Teluk Bahang yang terdapat lokasi pelancongan seperti Air Terjun Titi Kerawang dan Taman Tema Escape. Pengguna juga boleh menikmati persona flora dan fauna yang memukau serta pemandangan matahari terbenam ketika melalui laluan ini.

KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
20 MAC 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur